

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
(BELURAN)**

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek-projek pembangunan yang telah diluluskan untuk tahun 2019 bagi kawasan Parlimen Beluran.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019, peruntukan pembangunan (DE) sebanyak RM60.22 juta telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Beluran bagi membiayai pelaksanaan 26 buah projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, *Rolling Plan* Keempat 2019. Daripada peruntukan yang diluluskan, jumlah perbelanjaan yang telah dibuat adalah sebanyak RM1.65 juta.

Sekian, terima kasih.